

# Ustaz pandu van nahas ragut nyawa 7 budak tahfiz antara 35 banduan dibebaskan

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Disember 20, 2023 @ 5:27pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Foto hiasan.

BENTONG: Kemalangan van membawa pelajar dan kakitangan maahad tahfiz di Kuala Krai dengan tujuh daripada mereka maut pada 2017, tidak pernah lekang daripada ingatan Saiful, 30, yang memandu kenderaan malang itu.

Meskipun sudah menjalani hukuman penjara tiga tahun penjara dan denda RM5,000 atas kesalahan kecuiaan sehingga menyebabkan kematian, Saiful yang sebelum ini bertugas sebagai guru agama mengakui perasaan kesal dengan apa yang menimpa muridnya itu cukup berbekas di hatinya.

Saiful antara 35 banduan yang dibebaskan hari ini menerusi Pembebasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) Ihsan MADANI - Kepulangan Yang Dinanti peringkat Penjara Pahang sempena sambutan Krismas, Isnin depan.

Pembebasan membabitkan 13 banduan dari Penjara Penor dan 22 dari Penjara Betong itu terdiri mereka yang terbabit dengan kes dadah, jenayah serta kecuaiian hingga menyebabkan kematian.

Bagi, Saiful, 30, peluang dibebaskan awal dari Penjara Bentong itu akan dijadikan semangat untuk membina kehidupan baharu yang lebih bermakna.

"Disebabkan hukuman penjara saya terpaksa melepaskan jawatan sebagai guru agama di sekolah rendah kerajaan selepas empat tahun berkhidmat.

"Saya reda dengan apa yang berlaku, Allah telah tentukan perjalanan hidup saya. Pasti ada hikmah di sebalik kejadian yang tidak pernah diduga itu," katanya ketika ditemui di Dewan Perdana Penjara Bentong.

Dalam kejadian 2 Jun 2017 itu, van membawa pelajar dan tenaga pengajar Tahfiz Al-Hashimi terbabas dan merempuh sebuah rumah di Kampung Telekong di Jalan Kuala Krai-Kota Bharu kira-kira jam 9.40 pagi.

Tujuh mangsa dilaporkan maut, sementara tujuh yang lain cedera dengan pihak bomba memaklumkan sebaik tiba di lokasi kejadian sembilan mangsa sudah dikeluarkan orang awam, manakala lima lagi tersebit dalam kenderaan yang remuk.

Sementara itu, Saiful yang berasal dari Machang, Kelantan berkata dia akan membina hidup baharu dengan berniaga selepas ini, lantas mengharapkan sokongan isteri dan keluarga sebagai penambah semangat.

Pengarah Penjara Bentong, Timbalan Komisioner Penjara, Mohamad Ismail berkata, lima siri PBSL diadakan tahun ini sempena Aidilfitri, Aidiladha, sambutan merdeka, Deepavali dan Krismas.

Menurutnya, pihak penjara berharap keluarga dan masyarakat dapat menerima bekas banduan dalam memastikan mereka tidak kembali melakukan aktiviti menyalahi undang-undang.

"Ada keluarga seolah-olah tidak memberi sokongan kepada bekas banduan, mereka membuang hingga tidak membenarkan individu terbabit pulang ke rumah. Terdapat kes ibu tidak menerima anaknya.

"Saya berharap keluarga dapat bersatu semula membentuk keluarga bahagia," katanya yang berharap jumlah banduan di Penjara Bentong dapat dikurangkan secara berperingkat.